



State Mufti's Office
Prime Minister's Office
Brunei Darussalam

PEMBERIAN: PERLUKAH ADIL KEPADA ANAK?

(Bilangan 268)

(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

Al-Imam as-Syafi'e *Radhiallahu 'anhu* menjelaskan bahawa *tabarru'* (memberi sesuatu kepada orang lain tanpa gantian) seseorang akan hartanya kepada orang lain terbahagi kepada dua:

1. Yang tergantung (tertakluk) kepada kematian iaitu wasiat.
2. Yang terlaksana ketika hidup. Ia terbahagi kepada dua; Pertama: Memindahkan milik semata-mata, iaitu *hibah*, hadiah dan sedekah. Kedua: Wakaf.

Hibah dalam istilah syara' ialah memindah milik sesuatu tanpa perlu menukar ganti. *Hibah* merangkumi sedekah dan hadiah, kerana ia mempunyai definisi yang hampir sama, cuma yang membezakannya ialah tujuan dan maksud semasa menyampaikannya.

Jika pemberian itu dimaksudkan sebagai satu cara untuk mendekatkan diri kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dan mengharapkan pahala, maka ia adalah sedekah. Namun jika ia dimaksudkan sebagai satu penghargaan, sanjungan dan tanda kasih, maka ia dinamakan hadiah, dan jika ia tidak dimaksudkan seperti di atas, maka ia hanyalah satu pemberian biasa (*hibah*).

Hukum *hibah* (termasuklah hadiah dan sedekah) itu adalah sunat. Ini kerana *hibah* itu merupakan suatu kebajikan dan ia terkandung dalam firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَى

(2 :)

Tafsirnya: “Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa.”

(Surah al-Ma'idah: 2)

Diriwayatkan daripada Abu Hurairah *Radhiallahu 'anhu*, bahawa Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

()

Maksudnya: “Wahai perempuan-perempuan Islam, janganlah kamu menghina seorang jiran (yang menghadiahkan) kepada jirannya walaupun hanya dengan kuku kambing (walau hanya sesuatu yang sedikit).”

(Hadits riwayat Muslim)

Sabda baginda lagi:

()

Maksudnya: “*Rasulullah Shallallahu ‘alaihi wasallam* dihadiahkan seekor kambing, baginda bersabda: “*Bahagi-bahagikanlah ia.*” Apabila tiba khadam (yang menghantar daging) ‘Aisyah bertanya: “*Apa yang mereka katakan (ketika menerima daging)?*” Khadam menjawab: “*Mereka mengucapkan (semoga Allah memberkati apa yang masih tinggal pada kamu).*” Maka ‘Aisyah berkata: “*(Dan semoga Allah memberkati apa yang ada pada mereka), kita hendaklah menjawab sebagaimana yang mereka ucapkan, dan kekallah pahala kita untuk kita.*”

(Hadits riwayat Ibnu as-Sinni)

Perluakah Adil Dalam Pemberian Kepada Anak?

Makruh bagi ayah mengutamakan seorang anak daripada anak-anaknya yang lain dalam pemberian sama ada *hibah*, hadiah, sedekah, wakaf atau derma yang lainnya.

Maka sunat bagi ayah berlaku adil kepada anak-anaknya sama ada lelaki atau perempuan hatta kepada cucu-cucunya dalam memberi suatu pemberian, sebagaimana hadits yang diriwayatkan oleh an-Nu‘man bin Basyir *Radhiallahu ‘anhuma* katanya:

:

.

:

.

.

:

.

:

()

Maksudnya: *“Ayahku telah bersedekah kepadaku sebahagian hartanya, maka berkata ibuku ‘Amrah Binti Rawahah: “Saya tidak rela sehinggalah engkau mempersaksikannya kepada Rasulullah Shallallahu ‘alaihi wasallam.” Maka ayahku pergi kepada Nabi Shallallahu ‘alaihi wasallam untuk dipersaksikan sedekahku. Lalu Rasulullah Shallallahu ‘alaihi wasallam bersabda kepada ayahku: “Adakah engkau membuat begini (memberi sedekah) kepada semua anakmu?” Berkata (ayahku): “Tidak.” Baginda bersabda: “Hendaklah kamu bertakwa kepada Allah dan berlaku adil kepada anak-anak kamu.” Maka ayahku kembali dan menarik balik sedekah itu.”*

(Hadits riwayat Muslim)

Selain ayah, disunatkan juga kepada ibu, nenek lelaki dan nenek perempuan berlaku adil kepada anak dan cucu mereka. Jika diutamakan salah seorang daripada mereka dalam pemberian maka hukumnya makruh (tapi pemberian itu sah), kerana ini boleh membawa kepada perasaan hasad dengki dan sifat menderhaka, sebagaimana hadits yang diriwayatkan oleh an-Nu‘man bin Basyir Radhiallahu ‘anhuma ketika ayahnya datang kepada Nabi Shallallahu ‘alaihi wasallam untuk dipersaksikan pemberian yang dia beri kepada anaknya, lalu baginda bersabda:

: . :

: . : : .

()

Maksudnya: *“Adakah kesemua anakmu engkau berikan pemberian sepertimana yang engkau berikan an-Nu‘man?” (Ayah)*

berkata: “Tidak.” Baginda bersabda: “Maka persaksikanlah pekara ini (kepada orang) selain aku.” Kemudian baginda bersabda: “Apakah engkau suka mereka berbuat baik yang sama kepadamu?” Dia berkata: “Ya.” Baginda bersabda: “Jika demikian tidaklah (aku mahu mempersaksikannya).”

(Hadits riwayat Muslim)

Menurut ad-Damiri bahawa berlaku adil kepada anak-anak itu adalah dituntut hatta dalam memberi ciuman kepada mereka. Sementara as-Syiekh Sulaiman al-Jamal menyebutkan bahawa bukan sahaja adil dalam pemberian bahkan juga berlemah lembut dalam percakapan dan sebagainya.

Ketika Bila Ia Makruh?

Sebagaimana yang dijelaskan sebelum ini, ayah yang mengutamakan seorang anak daripada anak-anaknya yang lain dalam pemberian adalah makruh, apabila kesemua anak-anaknya itu sama-sama berhajat pada pemberian atau sama-sama tidak berhajat padanya.

Adapun jika tidak sama keadaan mereka seperti salah seorang daripada anaknya berhajat pada pemberian dan anak-anaknya yang lain tidak berhajat, maka tidaklah makruh memberi keutamaan kepada anaknya yang berhajat itu.

Demikianlah juga halnya tidak makruh memberi keutamaan kepada anaknya yang tidak menderhaka, yang tidak fasiq, yang berilmu dan wara'. Sebagaimana para sahabat *Radhiallahu 'anhum* mengutamakan sebahagian anak mereka.

Adapun jika kedua-dua anaknya itu fasiq akan tetapi salah seorang daripadanya kefasiqannya lebih berat berbanding yang seorang

lagi, seperti seorang anaknya itu peminum arak, pezina dan peliwat dan seorang yang lain hanya peminum arak, maka didahulukan yang lebih ringan kefasiqannya.

Haram memberi sesuatu pemberian kepada anak yang fasiq, apabila diketahui bahawa ia akan membelanjakan pemberian itu pada kemaksiatan.

Jika ibu bapa tidak adil dalam pemberian itu, contohnya seorang anak diberi dengan bahagian yang lebih banyak dan yang lain hanya sedikit, maka dalam hal ini ada dua cara penyelesaian:

Pertama: Yang lebih utama, disama ratakan pemberian itu dengan menambah kekurangan pada anak yang mendapat bahagian yang sedikit.

Kedua: Diambil lebih daripada anak yang mendapat bahagian yang lebih banyak itu supaya menjadi sama rata.

Sebagai kesimpulannya, ibu bapa hendaklah berlaku adil kepada anak-anak dalam memberikan suatu pemberian sama ada berbentuk hadiah, sedekah ataupun wakaf agar tidak menimbulkan di hati mereka perasaan dengki dan penderhakaan.